



PARA peserta bergambar kenangan bersama Kassim.

## UMS Johan DEKON Buat Julung Kali

UB 01.07.2012 B5

**K**EGIGHAN menjalani latihan selama dua bulan lebih ternyata tidak sia-sia apabila Universiti Malaysia Sabah (UMS) dinobatkan sebagai Johan Deklamasi Lakon (DEKON) 2012 buat julung kalinya dengan mengetepikan saingan daripada lima buah Institusi Pengajian Tinggi Awan lain.

Program anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAKUM) ini yang berlangsung selama empat hari bermula 25 hingga 28 Jun, mendapat penyertaan daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaku tuan rumah.

Bak kata pepatah Melayu, Yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang. Begitulah yang dapat digambarkan di sebalik kejayaan yang dikecapi oleh para peserta dari Sekolah Pengajian Seni, UMS, dalam pertandingan DEKON kali ke-10 ini.

Kejayaan ini, bukan sahaja

mbolehkan UMS mendapat ganjaran wang tunai sebanyak RM1000.00 serta Piala Pusingan tetapi juga memberi makna yang begitu berharga kepada setiap peserta yang terlibat, di samping mengharumkan lagi nama UMS di peringkat yang lebih tinggi.

Lebih membanggakan lagi, UMS bukan sahaja bergelar Johan tetapi juga merangkul tiga lagi anugerah lain yang dipertandingkan iaitu Dekonis Terbaik, Skrip Terbaik dan Pengarahan Terbaik.

Bagi anugerah Dekonis Terbaik, kebolehan Yeon Amsalie @ Amsalib Bin Pisalie membawakan pelbagai watak dengan kehebatan dari aspek deklamasi dan lakonannya menyebabkan dia layak mendapat anugerah pelakon terbaik ini.

Hanya air mata yang dapat menggambarkan kegembiraan pelajar Tahun Satu jurusan Seni Kreatif ini sebaik sahaja diumumkan sebagai Dekonis Terbaik pada malam itu.

“Ini merupakan kali ketiga UMS memenangi anugerah ini yang mana pada tahun 2001 dan

2010 kami juga berjaya mendapatnya,” Menurut Mohd Asmadi Bin Mat Nawi selaku Pengarah Program.

Untuk kategori skrip pula, kekuatan yang ada pada skrip Mencari Ricka karya Tasia Arlina Ismail, membolehkannya dipilih oleh juri profesional sebagai skrip terbaik pada kali ini diikuti skrip Masnaneg dari UniZa di tempat kedua dan skrip Mafioso dari UPM tempat ketiga.


Begitu juga dari segi aspek pengarah di bawah bimbingan dan tunjuk ajar daripada Dr. Andika Aziz Hussien dilihat memiliki kelebihan tersendiri sesuai dengan konsep cerita yang dibawakan.

Sementara itu, naib johan pula disandang oleh UPM yang membawakan skrip Mafioso dan USM selaku juara bertahan tahun lalu di tempat ketiga dengan skrip Hiroshima yang mana turut dianugerahkan Teknik Terbaik.

Turut menyerikan lagi malam penutupan pada malam itu yang mana telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Dr Haji Kasim Bin Haji Md. Mansur, ialah persembahan khas daripada Ismaily Bungsu dan Puad Bebit dengan deklamasi sajak yang cukup bertenaga.

Secara keseluruhannya, pementasan DEKON kali ini yang membawakan tema kemanusiaan dan isu-isu semasa dilihat agak sederhana seperti yang dinyatakan oleh ketua juri, Dr. Zainal Abd. Latif.

Antara juri profesional untuk DEKON pada tahun ini ialah, Dr Zainal Abd Latif, Khalid Salleh dan Haji Marzuki Ali.



ZAINAL ketika menyampaikan ceramah ketika merasmikan Program itu.



KASSIM menyampaikan hadiah kepada Yeon.